



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## **SIARAN MEDIA**

### **YAYASAN SUKELAWAN SISWA PENERAJU PROGRAM MADANI BERKHIDMAT : MISI SUKARELAWAN SISWA**

**PUTRAJAYA, 19 Mei** – YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara hari ini telah mempengerusikan **Mesyuarat Agung Tahunan Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) kali ke-13**. Pelbagai agenda telah dibincangkan semasa mesyuarat ini termasuklah pencapaian YSS bagi tahun 2024 serta hala tuju bagi tahun 2025.

Mesyuarat telah memutuskan agar Program Ini Warisan Kita : Misi Sukarelawan Siswa dijenamakan semula kepada **MADANI Berkhidmat Sukarelawan Siswa**. Tahun ini, misi sukarelawan akan dilaksanakan di negeri Sabah, Sarawak, Pahang, Perak dan Negara Vietnam. Kementerian turut **meluluskan peruntukan sebanyak RM2.1 juta** merangkumi RM600 ribu bagi tujuan operasi dan RM1.5 juta bagi pelaksanaan misi sukarelawan siswa.

Sehingga kini, YSS telah melahirkan **seramai 2,153 pemimpin sukarelawan siswa yang berjaya melaksanakan 9,665 projek komuniti** di seluruh negara. YB Menteri dalam ucapannya berkata, ‘YSS perlu berperanan sebagai satu agensi kerajaan yang proaktif. Pelaksanaan program harus berfokus dan tumpuan harus diberikan kepada **Misi Sukarelawan Siswa, Tuisyen KAMI, Ejen Perpaduan serta program pembangunan kepimpinan sukarelawan siswa**’.

YB Menteri juga telah meminta YSS meneliti mengenai keperluan untuk mewujudkan satu dasar/pelan tindakan kesukarelawan yang komprehensif sebagai kerangka panduan nasional dalam memperkasa gerakan kesukarelawanan secara lebih tersusun melibatkan semua agensi kerajaan yang terlibat dalam aspek kesukarelawanan.

Mesyuarat turut dimaklumkan mengenai pencapaian YSS sepanjang tahun 2024 seperti berikut :

- i. Pelantikan 305 orang ejen perpaduan bagi memperhebat promosi mesej perpaduan di peringkat komuniti;
- ii. Pelaksanaan lima (5) misi sukarelawan siswa di 20 lokasi di Vietnam, Sabah, Sarawak, Kedah dan Kelantan;
- iii. Pelaksanaan 735 projek komuniti dengan 4,539 jam sukarelawan di lapangan yang memberi manfaat kepada 146,211 orang komuniti setempat;
- iv. Menjalinkan kerjasama strategik dengan Yayasan Peneraju dan Kementerian Ekonomi menerusi Program Pembangunan Ekonomi Komuniti (PPEK) di Sabah bagi pembasmian kemiskinan;
- v. Berkerjasama dengan Jabatan Wilayah Persekutuan dalam Program Usaha Jaya Insan (PUJI) yang melibatkan 205 orang peserta miskin tegar di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan.
- vi. Pemeteraian Memorandum Perjanjian YSS dengan Koperasi Komuniti Kampung Kilim, Langkawi melalui Program Pembangunan Modal Insan Mentoring & Coaching Eko-Pelancongan Langkawi.

**Kementerian Perpaduan Negara**

19 Mei 2025

KPN.100-9/1/16 (36)